

21 NOV 1999

NIK AZIZ TERIMA KIT SIANG SEBAGAI ULAMA, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Tindakan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat untuk menerima Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang sebagai Perdana Menteri menunjukkan bahawa beliau menerima ketua pembangkang itu sebagai seorang ulama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata ini kerana Nik Aziz sendiri pernah menyatakan bahawa hanya ulama sahaja yang layak menjadi kerajaan di negara ini.

"Nik Aziz kata hanya ulama sahaja yang layak menjadi kerajaan, jadi bila dia kata Kit Siang boleh jadi Perdana Menteri, bermakna dia menerima Kit Siang sebagai ulama," katanya ketika berucap melancarkan manifesto Barisan Nasional (BN) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, malam ini.

Kesemua pemimpin dan wakil pemimpin 14 parti komponen BN menghadiri majlis pelancaran manifesto BN yang menjanjikan Malaysia - Bebas, Sepadu dan Maju itu.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, sebelum itu menegaskan bahawa BN telah berjaya menyatupadukan semua kaum di negara ini sehingga parti-parti pembangkang yang tebal dengan semangat perkauman terpaksa bersatu dalam pakatan parti pembangkang bagi menghadapi pilihan raya umum kali ini.

Beliau berkata BN mengamalkan sikap suka berunding untuk menyelesaikan masalah-masalah di negara ini termasuk soal perkauman dan tidak suka dengan pendekatan konfrantasi.

-- BERNAMA

AFY NAK